

Headline	FRIM sedia bantu PBT jaga pokok elak tumbang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	13	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,533
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,599



FRIM sedia bantu PBT jaga pokok elak tumbang



SEPASANG suami isteri cedera selepas motosikal yang ditunggangi mereka merempuh sebatang pokok yang tumbang di Jalan Ampang, Kuala Lumpur kelmarin.



WAN JUNAIDI

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menawarkan khidmat bantuan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam pengurusan pokok bagi mengelak kejadian pokok tumbang.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya sedia menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pemeriksaan pokok-pokok tua bagi mengurangi ancaman kepada orang ramai.

"FRIM mempunyai kepakaran dan peralatan terkini untuk membantu di samping melatih kakitangan PBT serta kon-

Suami isteri cedera rempuh pokok 130 tahun

SEPASANG suami isteri yang baru melangsungkan pernikahan ketertarikan cedera selepas motosikal yang ditunggangi mereka merempuh sebatang pokok berusia 130 tahun di Jalan Ampang, Kuala Lumpur kelmarin. Pasangan pengantin yang cedera di Jalan Ampang.

KERATAN *Kosmo!* semalam.

traktor yang dilantik.

"Selain menjalankan pemeriksaan pokok dan penyelenggaraan berkala dengan lebih sistematik, FRIM juga sedia membantu PBT yang berhasrat mengenal pasti risiko pokok berbahaya di kawasan masing-masing," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Bangunan Parlimen di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan sepasang suami isteri cedera selepas melanggar pokok hujan-hujan yang tumbang di Jalan Ampang di sini kelmarin.